

# MODUL LATIHAN PENGURUS PROJEK

BAB 1 PERUNDANGAN

BAB 2 PENGENALAN KEPADA KREN

BAB 3 PERALATAN MENGANGKAT DAN PENGENALAN KERJA  
MENGANGKAT

BAB 4 CARTA BEBAN

BAB 5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PERSONEL


BAB 6 STATISTIK KEMALANGAN DAN PENYEBAB KEMALANGAN  
KREN

BAB 7 PENGENDALIAN SELAMAT KREN MENARA

BAB 8 PEMERIKSAAN DAN PENYENGGARAAN KREN


# Pengurus Projek

## BAB 1: PERUNDANGAN



Digubal untuk mengawal isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja di Malaysia adalah


**Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP/OSHA) 1994, Akta Kilang dan Jentera (AKJ/FMA) 1967 dan Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984.**



## **Akta Petroleum (Langkah–langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302)**

Bagi memastikan keselamatan dalam pengangkutan, penyimpanan dan penggunaan bagi petroleum

- Bagi pengangkutan petroleum melalui jalan raya atau jalan kereta api, pemilik atau pengendali kenderaan yang ditugaskan untuk membawa petroleum wajib mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan pekerja yang berurusan membawa petroleum melaksanakan peruntukan di bawah Akta dan Peraturan.
- Bagi pengangkutan air, ia tidak sepatutnya dimuatkan atau dipunggah atau dikeluarkan kecuali di pelabuhan, atau tempat yang dipersetujui oleh Menteri.
- Pengangkutan melalui udara atau saluran paip memerlukan kebenaran terlebih dahulu oleh Menteri. Selebihnya di bawah Akta, sebuah lesen penggunaan petroleum yang sah diperlukan untuk menyimpan atau mengendalikan sebarang petroleum.



**Akta Petroleum  
(Langkah-langkah  
Keselamatan) 1984  
(Akta 302)**

Bagi memastikan keselamatan dalam pengangkutan, penyimpanan dan penggunaan bagi petroleum

Bagi pengangkutan petroleum melalui jalan raya atau jalan kereta api, pemilik atau pengendali kenderaan yang ditugaskan untuk membawa petroleum wajib mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan pekerja yang berurusan membawa petroleum melaksanakan peruntukan di bawah Akta dan Peraturan.

**Akta Keselamatan  
dan Kesihatan  
Pekerjaan 1994  
(AKKP/OSHA)**

Tujuan utama akta ini ialah untuk memupuk sikap prihatin terhadap keselamatan dan kesihatan ditempat kerja dan mewujudkan langkah-langkah keselamatan yang berkesan melalui skim-skim pengaturan sendiri, perundingan, kerjasama dan penglibatan pekerja yang disesuaikan dengan industri atau organisasi yang berkaitan.

Matlamat utama jangka panjang Akta ialah untuk menghasilkan suatu budaya kerja yang sihat dan selamat di kalangan semua pekerja dan majikan di Malaysia.

**Tujuan Akta AKKP  
(Akta 514)  
Bahagian I:  
Seksyen 4 Perenggan  
(a), (b), (c) dan (d) Akta  
514**

- a) Keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja;
- b) Melindungi orang bekerja dan selainnya daripada aktiviti yang melibatkan risiko;
- c) Mengadakan suasana tempat kerja selamat dan sihat; dan
- d) Perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan peraturan dan tataamalan industri yang diluluskan di bawah peruntukan Akta–(tidak terhad kpd akta & peraturan).

**Skop Akta 514**  
Orang yang  
bekerja:  
dalam semua  
sektor di Malaysia  
seperti berikut:

- a) Pengilangan
  - b) Perlombongan dan penguarian
  - c) Pembinaan
  - d) Pertanian, perhutanan dan perikanan
  - e) Kemudahan: Elektrik, gas, air dan perkhidmatan kebersihan
  - f) Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi
  - g) Perdagangan borong dan runcit
  - h) Hotel dan restoran
  - i) Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan
  - j) Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun
- Kecuali :** Pekerjaan di atas kapal (termaktub di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952) dan Angkatan Tentera.



## Kewajipan Am Majikan dan Orang Yang Bekerja Sendiri (Bahagian IV) Ringkasan Peruntukan Berkaitan:

- Seksyen 15. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka.
- Adalah menjadi kewajipan majikan dan orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja semasa bekerja. Kewajipan am majikan tersebut diringkaskan seperti berikut : Perenggan (1) dan Perenggan (2):
  - *a) Menyediakan loji dan sistem kerja selamat; Membuat susunan bagi memastikan keselamatan dan risiko penggunaan, pengendalian, penstoran dan pengangkutan bagi logi dan bahan-bahan;*
  - *b) Mengadakan dan memberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;*
  - *c) Menyediakan jalan keluar masuk dengan selamat; dan*
  - *d) Membuat penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya dengan selamat.*
- **Pekerja** bagi maksud seksyen ini termasuk kontraktor bebas dan pekerja kepada kontraktor bebas tersebut.

## **Kewajipan Am Majikan dan Orang Yang Bekerja Sendiri (Bahagian IV) Ringkasan Peruntukan Berkaitan:**

- **Seksyen 16. Kewajipan untuk membentuk dasar keselamatan dan kesihatan.**

Adalah menjadi kewajipan majikan untuk menyediakan dan mengkaji semula pernyataan bertulis dasar amnya berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaanya, dan mewar-warkan kepada semua pekerjaanya.

- **Seksyen 17. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada orang yang selain pekerja mereka.**

Adalah menjadi kewajipan majikan dan orang yang bekerja sendiri untuk menjalankan pengusahaannya supaya orang yang bukan pekerjaanya sendiri tidak terdedah kepada risiko keselamatan atau kesihatan akibat pengusahaannya.

- **Seksyen 18. Kewajipan penghuni tempat kerja kepada orang lain selain pekerjaanya.**

Adalah menjadi kewajipan penghuni premis bukan domestik memastikan premis, loji atau bahan yang digunakan oleh orang bukan pekerjaanya adalah selamat. Kewajipan tersebut termasuk penyenggaraan atau pembaikan tempat tersebut dan laluan keluar-masuknya

## Kewajipan Am Majikan dan Orang Yang Bekerja Sendiri (Bahagian IV)\_Ringkasan Peruntukan Berkaitan:

- **Seksyen 19. Penalti bagi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15 dan 16.** Seseorang yang melanggar peruntukan Seksyen 15 dan 16 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda: Tidak melebihi RM 50,000.00; Tidak melebihi 2 tahun penjara; atau Kedua-duanya.
- **Seksyen 20. Kewajipan am pereka-bentuk, pengilang, pengimport dan pembekal berkenaan dengan loji bagi kegunaan semasa bekerja.** Adalah menjadi kewajipan seseorang yang mereka bentuk, mengilang, mengimport atau membekalkan apa-apa loji untuk pastikan yang ia direka bentuk dan dibina supaya selamat dan tanpa risiko kepada keselamatan dan kesihatan. Dalam hal ini, loji termasuk apa-apa alat atau peranti atau jentera (kren menara). Pereka bentuk atau pengilang atau pengimport kren menara boleh didakwa di bawah seksyen ini jika melakukan kesalahan yang berkaitan.

## Kewajipan Am Majikan dan Orang Yang Bekerja Sendiri (Bahagian IV)\_Ringkasan Peruntukan Berkaitan:

- “Setakat yang praktik” (*so far as is practicable*). Kewajipan yang dinyatakan dalam Seksyen 15, 17 dan 18 AKKP adalah setakat yang praktik sahaja. Maksud ayat “setakat yang praktik” ialah dengan membuat pertimbangan di antara dan mengambil kira empat faktor yang diperuntukkan dalam Seksyen 3(1): Teruknya bahaya atau risiko yang terlibat; Keadaan pengetahuan mengenai bahaya atau risiko itu atau apa-apa cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu; Ada tidak kesesuaian cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya dan risiko itu; dan Kos untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya dan risiko itu. Bagi memahami dengan lebih lanjut maksud rangkaian kata ‘setakat yang praktik’, sila rujuk Garis Panduan Peruntukan Umum AKKP 1994.

# Kewajipan Am Pekerja (Bahagian VI)

## Seksyen 24. Kewajipan am pekerja yang sedang bekerja

Perenggan (1) sub-perenggan (a), (b), (c) dan (d) dan Perenggan (2)

Jaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri dan orang lain;

Bekerjasama dengan majikan dan orang lain dalam melaksanakan kehendak akta;

Memakai peralatan dan pelindung diri yang dibekalkan; dan

Mematuhi arahan dan langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Seseorang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan

dan, apabila disabitkan, boleh didenda:

Tidak melebihi RM 1,000.00; atau

Tidak melebihi 3 bulan penjara; atau

Kedua-duanya sekali.

# Kewajipan Am Pekerja (Bahagian VI)

**Seksyen 25. Kewajipan untuk tidak mengganggu atau menyalahgunakan benda yang diadakan menurut peruntukan tertentu**

Seseorang yang dengan sengaja, melulu atau cuai mengganggu atau menyalahgunakan apa jua yang diadakan atau dilakukan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan menurut Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda:

Tidak melebihi RM 20,000; atau

Tidak melebihi 2 tahun penjara; atau

Kedua-duanya sekali.

Dalam Akta AKKP 1994, peraturan-peraturan yang ada di bawahnya adalah:

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013;

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004;

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000;

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997;

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Perlabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1997 (Dibatalkan);

Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996;

# Akta Kilang dan Jentera (AKJ/FMA) 1967

## Peraturan dan Perintah Khas di bawah Akta Kilang dan Jentera

Peraturan-peraturan dan Perintah yang berkaitan di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967 berhubung dengan jentera dan bangunan keselamatan pembinaan adalah:

1. Perintah Khas Ketua Pemeriksa (Kepada Pengurus Projek Berkenaan Pengurusan dan Pengendalian Selamat Kren Menara) 2017;
2. Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian Perakuan Kelayakan bagi Mesin Angkat) 2015;
3. Peraturan Kilang dan Jentera (Pengendalian Bangunan dan Kerja Kejuruteraan Pembinaan) (Keselamatan) 1986;
4. Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan tentang Kesesuaian (*Fitness*) dan Pemeriksaan) 1970; dan
5. Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) 1970 (Pindaan-1983).

# Akta Kilang dan Jentera (AKJ/FMA) 1967

## Peraturan dan Perintah Khas di bawah Akta Kilang dan Jentera

Peraturan No. 2 hingga No. 5 tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan penggunaan kren menara, justeru ia tidak dijelaskan di sini. Manakala Perintah Khas Ketua Pemeriksa (Kepada Pengurus Projek Berkenaan Pengurusan dan Pengendalian Selamat Kren Menara) 2017 sangat relevan dengan penggunaan kren menara di tapak projek pembinaan dan perintah khas tersebut memberi kewajipan utama kepada pengurus projek. Perintah tersebut dibuat di bawah punca kuasa sub Seksyen 27(1) Akta Kilang dan Jentera 1967.



memastikan kren menara mempunyai:

memastikan mana-mana orang yang dilantik oleh penghuni mempunyai kontrak yang sah di sisi undang-undang untuk:

**Berikut adalah tanggungjawab pengurus projek:**


memastikan semasa pengoperasian, pengendalian dan penyenggaraan kren menara:

**Penalti:** hukuman yang boleh dikenakan bagi pesalah yang melanggar Perintah Khas ini ialah:

“Mana-mana orang yang melanggar perintah khas ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 8(g) Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit (RM 200,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”.

Tiada peraturan khusus yang dibuat di bawah kedua-dua Akta (AKKP/OSHA 1994 dan AKJ/FMA 1967) mengenai penggunaan atau pengendalian kren menara yang betul di tapak kerja, yang ada adalah garis panduan berikut

- 1) Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017;
- 2) Garis Panduan untuk Keselamatan dan Kesihatan Awam di Tapak Pembinaan, 2007 (*Guidelines for Public Safety and Health at Construction Sites, 2007*);
- 3) Garis Panduan untuk Penghalangan Bahan Jatuh di Tempat Kerja, 2007 (*Guidelines for the Prevention of Falls at Workplace, 2007*);
- 4) MS 1803:2008: *Cranes-Safety-Tower Cranes*;
- 5) MS ISO 4310:2014 *Cranes-Test code and procedures (First revision)* (ISO 4310:2009, IDT);
- 6) MS ISO 4306-1:2014 *Cranes-Vocabulary-Part 1: General (First Revision)* (ISO 4306-1:2007, IDT);
- 7) MS ISO 9926-1: 2001 *Cranes-Training of Operators-General (ISO 9926-1:1990, IDT)*; dan
- 8) MS 2203:2008: *Cranes-Training of Operators-Part 3: Tower Cranes (ISO 9926-3:2005, MOD)*



**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
(Construction Industry Development Board–CIDB) (AKTA 520)**

CIDB adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya. Sejarah penubuhannya adalah:

Pembentangan Akta "*Construction Industry Development Board*" di Parlimen pada bulan Mei tahun 1994.

Diwartakan sebagai Akta 520 pada bulan Julai tahun 1994.

Berkuatkuasa dengan rasminya pada 1 Disember 1994.

## Tujuan Akta 520 dikeluarkan:

1. Mendaftar kontaktor/pekerja-pekerja sektor pembinaan mengikut kategori kelas/kemahiran bagi kontraktor/pekerja;
2. Mengakreditasi dan memperakui pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan; dan
3. Menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan dan pemeriksaan.

## Pekerjaan yang memerlukan kemahiran dan perakuan

*Blaster dan painter*  
*Air conditioning dan mechanical ventilation specialist*  
*Drywall installer*  
*Ceiling installer*  
*Petrochemical fitter*  
*Roof truss installer*  
*Precast concrete installer*  
*Formwork system installer*  
*Block system installer*  
*Bar bender*  
*Wireman*  
*Bricklayer*  
*Plant operator*  
*Crane operator*  
*Chargeman*  
*Cable jointer*  
*Slinger and rigger*  
*Painter*  
*Tiler*  
*Carpenter*  
*Welder*  
*Plasterer*  
*Plumber*  
*Scaffolder*

*Scaffolder*  
*Plumber*

Menikmati  
manfaat  
perlindungan  
melalui skim  
Takaful.

**AKTA 520:**  
Mengapa pekerja dan  
penyelia tapak bina  
perlu berdaftar dengan  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan  
Malaysia (*Construction  
Industry Development  
Board, CIDB*)?

Memperolehi  
pengiktirafan  
kemahiran anda.

Memperolehi  
peluang  
mempertingkatkan  
kemahiran anda.

Mempertingkatkan  
peluang kerjaya  
anda.

# **Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara**

(a) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996

## **BAHAGIAN I**

Peraturan 1. Permulaan

Peraturan 5. Kewajiban Pengilang dan Pekerja

# **Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara**

(a) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996

## **BAHAGIAN II**

**Peraturan 9. Demostrasi Operasi Selamat**



# **Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara**

(a) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996

## **BAHAGIAN III**

**Peraturan 23. Pemberitahuan Mengenai Kemalangan Utama**

# **Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara**

(a) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan  
Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian)

1996

## **BAHAGIAN IV**


**Peraturan 24: Denda**

## Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara

(b) Undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Tiga undang-undang utama yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang meliputi:

- (a) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171);
- (b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133);
- (c) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)




# Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara

(c) Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3)

BAHAGIAN Ia


Seksyen 2B: Tugas dan fungsi Ketua Pengarah



# **Lain-lain Peraturan dan Kod Pelaksanaan yang berkaitan Kren Menara**


(e) Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714)

**BAHAGIAN III:**  
**Seksyen 16: Kuasa Suruhanjaya**



# Pengurus Projek

## BAB 2: PENGENALAN KEPADA KREN




# Fungsi Utama Kren

- ▶ Digunakan untuk mengangkat atau menurunkan beban dan menggerakkan beban secara mendatar ke lokasi yang diperlukan.
- ▶ Penggunaannya juga bertujuan bagi memudahkan dan mempercepat proses binaan sesebuah struktur yang bersifat tinggi, besar dan luas seperti bangunan dan jambatan.
- ▶ Jenis kren:
  1. kren bergerak
  2. kren berantai
  3. kren Derrick
  4. kren menara



# Kren Bergerak

- ▶ kren yang beroda dan boleh dipandu di atas jalanraya dengan menggunakan kuasa enjinnya tersendiri.
- ▶ digunakan untuk mengangkat dan menurunkan beban dari tempat yang sederhana tinggi serta senang digunakan untuk kerja-kerja di lokasi yang ruangnya terhad.




Contoh kren bergerak (Occupational Health and Safety Code 2009, Alberta Canada; [www.cccme.org.cn](http://www.cccme.org.cn))



# Kren Berantai


- ▶ Kren untuk mendaki kerana pergerakannya menggunakan tayar atau trek berantai dan ia boleh dipandu secara manual.
- ▶ pergerakannya adalah terhad kepada jalan-jalan yang sesuai sahaja.
- ▶ Kren berantai sesuai digunakan pada semua peringkat tanah dan bentuk muka bumi.
- ▶ Kren jenis ini juga mempunyai kuasa mengangkat dan menurunkan beban yang tinggi.



Contoh kren berantai  
(OSHAcademy  
Occupational Safety and  
Health Training, US;  
*[www.directindustry.com](http://www.directindustry.com)*)


# Kren Derrick


- ▶ Kren yang digunakan di atas bangunan yang tinggi dan ia diletakkan diatas struktur bangunan secara statik dan tidak boleh bergerak.
- ▶ Kren jenis ini biasanya digunakan untuk menurunkan struktur kren menara yang hendak dibuka semula selepas kerja-kerja mengangkat atau menurunkan beban telah siap sepenuhnya.




Contoh kren Derrick  
(OSHAcademy  
Occupational Safety  
and Health Training,  
US;  
*<http://jaipur.all.biz>*)

# Kren Menara

- ▶ Direka bentuk dengan menggunakan besi yang berkekuatan tinggi dan dibentuk secara menara yang tinggi.
  - ▶ Digunakan untuk kerja-kerja perindustrian dan pembinaan bangunan yang strukturnya tinggi.
  - ▶ Boleh mengangkat beban dan menurunkan beban yang berat dan melebihi daripada kren-kren yang lain.
  - ▶ dipasang secara statik atau menggunakan rel untuk bergerak.
  - ▶ Boleh dikatakan 99% daripada struktur kren menara adalah diperbuat daripada besi padu dan ia dibahagikan pula kepada beberapa bahagian.
  - ▶ Bahagian-bahagian ini boleh dipisah & dicantumkan semula.
  - ▶ Teknik cantum & lerai bahagian demi bahagian (*section by section*) inilah yang digunakan bagi memudahkan proses pasang & buka sesebuah kren menara.
  - ▶ Ia juga bertujuan untuk memudahkan proses pemindahan kren dari satu tapak kepada tapak binaan yang lain.
- 





Contoh kren menara (Occupational Health and Safety Code 2009, Alberta Canada; [www.ictinpractice.com](http://www.ictinpractice.com))




# Jenis-jenis Kren Menara

- ▶ Kren menara ini adalah salah satu dari puluhan jenis kren kategori jentera berat yang biasa digunakan untuk mengangkat & memindahkan segala jenis beban yang berat & besar dari satu tempat ke tempat yang lain.
- ▶ Kren Menara adalah menara segiempat tepat yang dipasang dengan beberapa komponen yang penting seperti bol, nat, pin dan asasnya (tapak) adalah tuangan konkrit yang disokong dengan rasuk atau dipasang di atas rel. Pelantar slu (*slewing platform*), angkat (*hoist*), mast dan bum dipasang di atas tapak menara tersebut.
- ▶ Sebelum kerja-kerja pemasangan kren menara dilaksanakan, pemeriksaan keselamatan mesti dilakukan dahulu dan dirancang dengan rapi mengikut prosedur yang telah dikeluarkan.
- ▶ Pemasangan bum dan berat timbal (*counterweight*) adalah kerja-kerja yang bahaya dan sekiranya tidak dirancang atau dikaji dengan teliti, bahaya tapak boleh mengakibatkan kegagalan pada pemasangan kren menara.
- ▶ Umumnya, kren menara mempunyai banyak jenis, namun antara yang popular digunakan di Malaysia adalah jenis **Hammerhead**, **Luffing** dan **Topless**.






Kren menara jenis *hammerhead* (Occupational Safety and Health Program, A Guide to Cranes and Derricks, US)



Kren menara jenis *luffing* (Occupational Safety and Health Program, A Guide to Cranes and Derricks, US)




Kren menara jenis *topless* ([www.nftcrane.com](http://www.nftcrane.com))

# Jenis pemasangan utama tapak bagi kren menara

## (a) Tapak Statik (*Free standing self-supporting static tower crane*)

- popular digunakan dan paling tinggi daripada jenis-jenis kren yang lain.
- Pemasangan kren jenis ini adalah sesuai untuk kawasan tapak yang terbuka dan kebiasannya diletakkan dibahagian hadapan atau mana-mana tempat yang boleh memberi ruang kepada jib untuk bergerak/berpusing





Contoh *Free standing self-supporting static tower crane*  
(Environmental, Health and Safety (EHS) Departments, US)

# Kaedah pemasangan tapak statik bagi kren menara

## (i) Tapak tuang-dalam (*In-situ*)


- Tapak jenis tuang-dalam ini memerlukan sauh khas atau bahagian yang boleh ubah (sudut pemasangan) ditanam ke dalam blok konkrit.






(ii) Tapak sendiri (*On own base*)

- ▶ Asas tapak kren dibina dengan meletakkan *ballast* pada asas kren dan casis sebagai pembererat.




Tapak statik (jenis tapak sendiri)



(b) Tapak meninggi (*Climbing base*)

- ▶ Kren menara bagi pemasangan jenis ini biasanya digunakan untuk pembinaan bangunan–bangunan yang tinggi.
- ▶ Proses pemasangan melibatkan pemasangan tapak bermula daripada satu aras kepada satu aras yang lebih tinggi.
- ▶ terdapat 2 kaedah pemasangan tapak bagi jenis ini iaitu:–
  - (i) Kren Sokongan Statik Luaran (*External supported static tower crane*)
  - (ii) Kren Memanjat Secara Dalaman (*Internal climbing crane*)



(i) Kren Sokongan Statik Luaran (*External supported static tower crane*):


- ▶ Tapak disokong oleh struktur binaan/bangunan yang dilekatkan oleh kerangka meninggi.
- ▶ Ketinggian kren boleh dilanjutkan bergantung kepada ketinggian struktur bangunan dan perlu selaras dengan kerangka sokongan meninggi.



Pemasangan kren dengan tapak meninggi luar (*External climbing crane*)  
([www.dcm-milgromandassociates.com](http://www.dcm-milgromandassociates.com))

(ii) **Kren Memanjat Secara Dalaman** (*Internal climbing crane*):


- ▶ Kren menara bagi jenis pemasangan ini biasanya direka bentuk untuk bangunan–bangunan tinggi dan diletakkan di lokasi yang boleh disokong oleh struktur–struktur bangunan di dalam bangunan yang dibina.
- ▶ Kren boleh dilaras dari satu aras kepada aras yang lebih tinggi di dalam pembinaan.




Pemasangan kren dengan tapak meninggi dalam (*Internal climbing crane*)  
([www.dcm.milgromandassociates.com](http://www.dcm.milgromandassociates.com))


### (c) Kren Landasan Bergerak (Travelling tower crane)

- ▶ Kren menara jenis ini bergerak dengan *heavy-wheeled bogies* yang diletak diatas landasan.
- ▶ *Bogie* tidak mempunyai gred yang tetap tetapi berubah mengikut ketinggian mast yang dipasang pada kren menara.






*Travelling tower crane* (Environmental, Health and Safety (EHS) Departments, US)




# Terminologi dan Struktur Kren Menara

## (a) Kren Menara *Hammerhead*

- ▶ Kren menara jenis ini disesuaikan kepada proyek-proyek industri yang mempunyai kriteria seperti kawasan jejari atau jangkauan yang luas dan digerakkan oleh kuasa elektrik.
- ▶ Sekiranya kawasan atau tapak memenuhi kriteria yang ditetapkan maka kesesuaian kren menara yang hendak digunakan adalah dari jenis kren menara *hammerhead*.






No	Terminologi
<b>UNIT SLU</b>	
1	Bum (Bum)
2	Troli
3	Bongkah cangkuk
4	Pengimbang jib
5	Pengimbang berat
6	Unit angkat
7	Dram angkat
8	Kerangka-A (A-frame)
9	Bar penda
10	Tali angkat (Hoist rope)
11	Kabin operator
12	Pemasangan slu
13	Pangsi slu (Slewing pivot)
<b>MENARA</b>	
14	Unit menaik tengah
15	Sangkar teleskopik Mast (Mast)
16	Pengikat dalam
17	
<b>ASAS</b>	
18	Casis dasar menara
19	Penyokong kren
20	Balast pusat
21	Rangka silang
22	Pad
23	Sauh (Anchors)


Terminologi kren menara *hammerhead* (<http://www.morrow.com/crane101>)



## (b) Kren Menara *Luffing*

- ▶ Kren menara jenis ini disesuaikan kepada projek-projek industri yang mempunyai kriteria seperti kawasan jejari atau pusingannya terhad, kekuatan bebannya yang boleh diangkat adalah tinggi, dan kebanyakannya menggunakan tenaga enjin.
- ▶ Sekiranya kawasan atau tapak memenuhi kriteria di atas maka kesesuaian kren menara yang hendak digunakan adalah dari jenis kren menara *luffing*.





No.	Terminologi
1	Jib/bum
2	Gabungan bungkah
3	Cangkuk
4	Ikatan jib atau pendan
5	Bungkah pemasangan luffing
6	Tali luffing
7	Tali mengangkat
8	Kerangka-A
9	Berat pengimbang
10	Rig slu
11	Kabin
12	Sudut jib/bum
13	Menara
14	Sauh
15	Konkrit

Terminologi kren menara *luffing* (<http://www.morrow.com/crane101>)


# Syarat Pemilihan Kren Menara

## (a) Kren menara *Hammerhead*

- ▶ Kren menara jenis ini disesuaikan kepada proyek–proyek industri yang mempunyai kriteria berikut:
  - ✓ Kawasan radius atau jangkauan luas.
  - ✓ Kekuatan beban yang perlu diangkat adalah terhad.
  - ✓ Kren menara jenis ini digerakkan oleh kuasa elektrik.


## (b) Kren menara *Luffing*

- ▶ Kren menara jenis ini disesuaikan kepada proyek–proyek industri yang mempunyai kriteria berikut:
  - ✓ Kawasan radius atau jangkauan adalah terhad.
  - ✓ Kekuatan beban yang boleh diangkat adalah tinggi.
  - ✓ Kebanyakan kren jenis ini menggunakan tenaga enjin.




## Perbezaan keperluan kren menara *Hammerhead* dan *Luffing*

HAMMERHEAD	LUFFING
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kawasan radius atau pusingannya luas.</li><li>• Kekuatan beban yang boleh diangkat adalah terhad.</li><li>• Penggunaan tenaga elektrik</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kawasan radius atau pusingannya terhad.</li><li>• Kekuatan bebannya yang boleh di angkat adalah lebih tinggi.</li><li>• Kebanyakan kren menara menggunakan tenaga enjin.</li></ul>



# Pemilihan Bekalan Kuasa

- ▶ Pengurus projek perlu memastikan bekalan kuasa bagi setiap penggunaan kren yang digunakan di tapak bina adalah boleh dibekalkan.
- ▶ Ini bagi mengelakkan ketiadaan punca bekalan kuasa elektrik untuk operasi kren menara selepas kren siap dipasang.
- ▶ Apabila kren hendak digunakan di persekitaran talian kabel elektrik, nasihat dari pihak syarikat utiliti elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu diperolehi sebelum kerja dimulakan bagi menentukan jarak operasi yang selamat dari konduktor elektrik untuk talian kuasa hidup.
- ▶ Pihak pengurus melakukan perbincangan dengan pihak yang mengawal talian seawal mungkin bagi mengenalpasti punca bekalan kuasa elektrik samada:-
  - ✓ Pihak syarikat utiliti elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB)
  - ✓ Genset




- ▶ Jarak antara pekerja/tempat kerja dengan kabel elektrik yang berhampiran perlu dipastikan selamat oleh kontraktor utama, pengurus projek atau orang yang dilantik bagi menjamin keselamatan pekerja dan orang di sekitarnya.
- ▶ Berikut adalah julat voltan dan jarak selamat yang disyorkan semasa melakukan kerja berhampiran arus elektrik, iaitu:

(a) 0 – 33,000 voltan (jarak 3.0 m);


(b) 33,000 – 132,000 voltan (jarak 6.0 m);

(c) Lebih 132,000 voltan (rujuk kepada pihak syarikat utiliti elektrik).



# Pengurus Projek

BAB 3: PERALATAN MENGANGKAT DAN  
PENGENALAN KERJA MENGANGKAT



# PENGENALAN

Alat yang  
boleh menaik  
dan  
menurunkan  
beban



Takrifan peralatan mengangkat

Alat yang  
menghubungkan  
beban dengan alatan  
mekanikal




Alat yang  
menghubung kan  
alatan mekanikal  
untuk menaik dan  
menurunkan  
beban





# PEMILIHAN PERALATAN MENGANGKAT


- ▶ Prinsip pemilihan peralatan perlu:
  - Diperbuat daripada bahan yang sesuai.
  - Diuji berpandukan piawaian yang ditetapkan
  - Sijil ujikaji perlu dikenalpasti
  - peralatan perlu mempunyai safety factor yang berpadanan
  - Maklumat peralatan perlu diberikan oleh pembekal mengikut kesesuaian penggunaan
  - peralatan perlu mempunyai tanda atau label *Safe Working Load* (SWL) / *Working Load Limit* (WLL).
  - Jenis dan saiz peralatan perlu dipilih mengikut keserasian beban berdasarkan kepada gred kualiti bahan.



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

- Diklasifikasikan dengan:
  - Saiz
  - Binaan
  - Kualiti
  - Susunan
  - Jenis *core*




Komponen utama tali dawai

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Struktur tali dawai

- ▶ Struktur dalaman tali dawai mengandungi:
  - satu dawai akan berada di tengah (core) dan disusun oleh enam dawai lain yang dikenali sebagai strand.
  - Susunan ini mmebentuk Tali Dawai Keluli Fleksibel (*Flexible Steel Wire Rope, FSWR*)
  - Saiz FSWR
    1. 6x7 (enam “strand” dan tujuh dawai halus)
    2. 6 x 19 (enam “strand” dan Sembilan belas dawai halus)




# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Saiz tali dawai

- Diukur pada tali pusat (*diameter*) menggunakan alat “Vernier Caliper” .
- Penggunaan tali dawai berbeza mengikut saiznya.
- Garis pusat minima yang digunakan sebagai anduh (sling) ialah 8mm.
- Garis pusat minima yang digunakan sebagai kabel pengangkat ialah 11mm.



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Jenis-jenis core

- Keluli
  - Kekuatannya melebihi 7.5% daripada “Fibre Core”
  - Beratnya melebihi 11% daripada “Fibre Core”.
  - Dawai “Strand” sebagai “core”
  - Tali jenis ini mempunyai kekuatan tegangan yang tinggi dan FSWR yang besar.



Jenis core : Steel  
Pengkelasan : 6 x 19

- ▶ Tali dawai keluli dijadikan sebagai core
- ▶ FSWR ini memberi kekuatan ketegangan yang amat tinggi serta lenturan beban yang tinggi sekiranya berada di atas “Drum” atau pulley yang kecil.
- ▶ Ia biasanya digunakan pada keperluan-keperluan di atas tanah dan dalam suhu yang tinggi.

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Jenis-jenis core


- Fibre
  - Digunakan untuk mengangkat beban tidak berat



Jenis core : Fibre  
Pengkelasan : 6 x 19

### Jenis-jenis core

- Strand
  - Satu kumpulan dawai halus (strand) digunakan sebagai core untuk membentuk tali dawai keluli fleksibel.
  - Mempunyai kekuatan tegangan yang tinggi dan membantu FSWR yang lebih besar.



Jenis core : Strand  
Pengkelasan : 6 x 19

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Kualiti besi dan kekuatan tegangan

- G 1770 ( Galvanised 1770 MPa) adalah standard besi yang disyorkan untuk membuat Tali Dawai Keluli Fleksibel (FSWR) pada saiz 6 x 7, 6 x 19 , 6 x 24 dan 6 x 37 berpandukan binaan FSWR.
- Spesifikasi antarabangsa untuk pengkelasan kekuatan besi

Type	Minimum Tensile	Abbreviated Description
Black & Bright, non-galvanised) wire	1770 Mpa	1770 grade
Galvanised wire	1570 MPa	G1570 grade

\* info dari negara Australia





# PENGGUNAAN PERALATAN MENGGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Penyelenggaraan/pemeriksaan tali dawai

- cara yang betul menggulung tali dari reel ke drum/ dari reel ke reel:
  - digulung mengikut arah jam
  - Drum digantung ditempat khas dan tidak terkena tanah untuk mengelakkan geseran dan leraian wayar.




Cara menggulung tali dawai pada drum mengikut jenis lilitan



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Penyelenggaraan/pemeriksaan tali dawai


- cara yang terbaik untuk menggulung tali dawai:
    - Elakkan menggulung secara terbalik
    - Gunakan pengalas yang sesuai untuk melindungi tali dari bucu tajam.
    - Elakkan mengangkat beban secara mengejut
    - Elakkan terdedah kepada suhu  $>95^{\circ}\text{C}$
    - Angkat dengan tali berdiameter lebih 11 atau 12 mm
    - Jangan gunakan tali "*lang's lay*" kecuali jika hujung tali diketatkan.
    - Elakkan tali dari tersimpul/terurai
    - Simpan ditempat bersih dan kering
    - Elakkan terdedah kepada bahan pengkakis
- 

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Penyelenggaraan/pemeriksaan tali dawai

- cara yang betul dan salah semasa pengendalian tali dawai




# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT


## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Penyelenggaraan/pemeriksaan tali dawai

- Contoh kerosakan atau kemusnahan yang berlaku pada tali dawai




Tersimpul




Regangan



Terkakis dan berkarat



Sarang burung  
Sarang burung  
(terurai)



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TALI DAWAI (*Wire rope*)

### Penyelenggaraan/pemeriksaan tali dawai

- Penggunaan klip *Bulldog*
  - bilangan klip perlu dipastikan mencukupi dan padan dengan saiz anduh wayar yang digunakan


Saiz tali (Diameter, mm)	Bilangan klip minimum
8 - 20 mm	3
21 - 32 mm	4
Melebihi 32 mm	5

- Cara menggunakan klip Bulldog yang betul dan salah



Cara betul


Cara salah



Cara salah U-Bolt klip berada pada sebelah tali hidup

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGGANGKAT

## ANDUH KAIN SINTETIK



Jenis-jenis anduh kain sintetik

- Bahan yang digunakan untuk membuat anduh kain sintetik ialah:
  1. Nylon
  2. Poliester
  3. Pollypropylene

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH



Anduh tali dawai




Anduh fiber



Anduh rantai



Anduh kain sintetik




# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH KAIN SINTETIK

### Penyelenggaraan/pemeriksaan

- Beban yang sesuai dengan penggunaan anduh kain sintetik:
  - Paip besi/pvc/plastik
  - Motor elektrik
  - Enjin
  - Bahan-bahan yang tidak boleh tergeser kasar.
  - Bahan-bahan berbentuk bulat serta tidak boleh tergeser kasar.
- Anduh perlu diperiksa sebelum digunakan bagi memastikan
  - Terdapat tanda SWL/WLL
  - Disimpan ditempat suhu yang tidak melebihi 9 °, tidak terdedah kepada bahan kimia.
  - Tidak terdapat kesan terbakar pada anduh
  - Tidak mengalami kerosakan seperti: ternotong, reput, tersimpul, terpaut dan haus



Jenis-jenis kerosakan

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Rantai 800 Herc-Alloy gred T adalah jenis yang biasa digunakan, dengan spesifikasi mengikut standard negara Australia 2321-1979
- ▶ Anduh rantai link pendek mempunyai ciri-ciri berikut:
  - Ketegangan minimum kepada kemusnahan kekuatan mengangkat (Breaking Load) 800 Mpa
  - Ketegangan minimum untuk kelulusan uji beban 400 Mpa
  - Jumlah minimum had memanjang 17%
- ▶ had beban kerja (Working Load Limit) mengikut piawaian ialah:
  - Ketegangan pada Had Beban Bekerja: 200 MPa
  - Faktor Keselamatan: 4.0

Herc-alloy 800 gred T





# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Jenis-jenis rantai

	Jenis rantai	Kegunaan
	Sambungan Pendek (Sumber: qdacsco-rigging.com)	Mengangkat Beban
	Sambungan Panjang (Sumber: suncorstainless.com)	Mengikat Beban
	Sambungan Stad (Sumber: zszhongnan.com)	Untuk kegunaan marin
	Tertentukur (Calibrated) (Sumber: seagoyachting.com)	Untuk Blok Rantai (Chain Blok)
	Penggelek Sesendal (Bush Roller) (Sumber: tsubaki.eu)	Untuk motorsikal/ yang melibatkan gear/sproket

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Gred dan label rantai


Gred rantai pendekv	Label
30	L
40	M
50	P
60	S
80	T



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI


- ▶ Penggunaan rantai
  - Penggunaan link pendek dengan satu kaki dengan sambungan induk “Master link” dan cangkuk



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Penggunaan rantai
  - Penggunaan link pendek dengan empat kaki dengan sambungan induk “Master link” dan cangkuk




# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Penyelenggaraan dan pemeriksaan rantai
  - Pemeriksaan diameter rantai
  - Pemeriksaan diukur menggunakan angkup vernier (*Vernier Caliper*) yaitu dengan nilai minimum 6 mm.

Menggunakan Vernier Caliper untuk mengukur diameter link rantai




- Langkah keselamatan penggunaan rantai:
  - Tidak mengangkat beban melebihi berat.
  - Tidak mengangkat beban dengan cara mengejut
  - Tidak membiarkan rantai tersimpul.
  - Rantai tidak terdedah kepada bahan-bahan kimia
  - Menyimpan rantai ditempat tidak melebihi suhu 2 °C
  - Setiap rantai yang digunakan mempunyai label SWL/WLL

# PENGGUNAAN PERALATAN MENGGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Penyelenggaraan dan pemeriksaan rantai
  - Penggunaan cangkuk cekam (*clutch hook*)
    1. Ia digunakan untuk memendekkan rantai.
    2. Kaedah yang betul perlu digunakan ketika memasang cangkuk supaya kekuatan anduh tidak berkurang walaupun dipendekkan.
    3. Rantai perlu dimasukkan ke dalam cangkuk dengan berhati-hati supaya ia ditarik lurus.





# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## ANDUH RANTAI

- ▶ Kerosakan rantai
  - Rantai perlu diperiksa sebelum digunakan
  - Rantai yang rosak tidak boleh digunakan semula


- Cara penggunaan rantai yang salah



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## LANGKAH MEMILIH ANDUH

- pastikan berat beban yang hendak diangkat terlebih dahulu.
- pastikan cara mengangkat yang hendak dibuat samaada secara anduh tunggal, anduh berganda atau penggunaan anduh bersama alat-alat lain (spreader beam dan lain-lain)
- berpandukan beban kerja selamat (SWL) samada dari jadual atau pengiraan dapatkan saiz anduh yang diperlukan.
- pastikan panjang anduh dan mengambil kira sudut sekiranya ikatan akan menjadi sudut kepada cara mengangkat.
- pastikan jarak antara anduh diukur secara tepat mengikut keperluan sudut.
- pilih jenis anduh mestilah bersesuaian dengan bahan yang hendak diangkat.
- patuhi segala arahan anduh samaada SWL/WLL dan kesesuaian penggunaannya.






# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## TEKNIK PENYIMPANAN ANDUH

- Sebelum atau selepas anduh digunakan hendaklah dibersihkan dengan tekanan udara yang tinggi.
- Jangan simpan anduh di dalam setor yang mengandungi bahan-bahan asid, alkali, kimia dan cecair-cecair lain yang boleh merosakkan anduh.
- Jangan campurkan anduh yang boleh digunakan dengan anduh yang sudah rosak dan tidak boleh digunakan (asingkan penyimpanannya).
- Sebelum disimpan selepas pembersihan hendaklah disapu gris atau minyak kepada anduh jenis “Flexible steel Wire Rope”.



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## AMALAN KESELAMATAN ANDUH


- Kekuatan anduh bergantung kepada berat dan bentuk beban, jenis peralatan dan cara mengikat beban.
- Pemeriksaan anduh perlu dilakukan sebelum digunakan
- Anduh tidak boleh tersimpul atau rosak
- Anduh tidak boleh dipendekkan dengan cara menyimpul atau diikat di antara alat-alat bantu angkat yg lain
- Jauhkan semua halangan semasa mengangkat beban
- Anduh perlu diikat dengan selamat dan betul pada beban
- Kaki anduh tidak boleh dipintal
- Anduh yang digunakan untuk mengangkat beban tidak boleh melebihi SWL/WLL
- Anduh mesti dilindungi dari objek tajam
- Beban yang diikat dengan cara ikatan raga perlu mempunyaiimbangan
- Beban tidak boleh diheret



# PENGGUNAAN PERALATAN MENGANGKAT

## AMALAN KESELAMATAN ANDUH (cont)


- Anduh tidak boleh ditarik sekiranya tersepit di bawah beban
- Tidak boleh mengangkat pekerja dengan anduh
- Peralatan mengangkat perlu diperiksa sebelum dan selepas mengangkat beban dan laporan perlu dibuat jika berlaku kerosakan.
- Semua peralatan mengangkat beban perlu ada tanda SWL/WLL
- Jangan memukul anduh dengan benda keras untuk mengetatkan ikatan
- Beban perlu dialas bagi mengelak kerosakan anduh terutamanya beban yang mempunyai bucu tajam
- Pastikan semua kaki anduh di tempatnya dan “Master Link” berada di dalam cangkuk yang mempunyai lidah /”Latch”
- Setiap ikatan anduh perlu diperiksa samada betul atau salah



# PENGGUNAAN PERALATAN ALAT BANTU MENGANGKAT


## TALI SERAT (*fibre rope*)

- ▶ Tali serat diperbuat daripada bahan-bahan buangan dan mekanikal yang telah rosak.
- ▶ Tali ini boleh musnah jika terdedah kepada suhu yang panas, api dan bahan-bahan kimia.
- ▶ Tali serat digunakan sabagai `tagline` untuk mengawal atau menstabilkan beban yang diangkat supaya tidak berhayun kerana ianya fleksibel dan bertindak sebagai penebat.
- ▶ Pemeriksaan yang kerap diperlukan.



# PENGGUNAAN PERALATAN ALAT BANTU MENGANGKAT


## TALI SERAT (*fibre rope*)

- ▶ Penyelenggaraan dan pemeriksaan
    - Tali serat mesti disimpan ditempat yang bersih dan kering serta lindungi daripada;
      1. Objek jatuh
      2. Api, percikan api serta haba panas
      3. Asid serta bahan kimia yang menghakis
      4. Debu
      5. Binatang perosak seperti tikus
    - Tali serat perlu diperiksa sebelum digunakan sekiranya:
      1. Terdedah kepada sinaran matahari / kebakaran
      2. Perubahan warna disebabkan hakisan
      3. Saiz tali yang mengecil atau memanjang disebabkan beban berlebihan
      4. Tali yang mereput
    - Langkah keselamatan semasa mengendalikan tali serat
      1. Pastikan tali tidak berbelit pada kaki semasa pengoperasian
      2. Dilarang mengikat tali pada tangan semasa pengoperasian
      3. Lebih baik menggunakan tali yang panjang berbanding tali pendek
- 

# PENGGUNAAN PERALATAN ALAT BANTU MENGANGKAT

## GALAH TOLAK-TARIK (*Push and pull Pole*)

- ▶ Galah tolak-tarik merupakan rod panjang yang digunakan untuk membantu dalam proses menurun/mengangkat beban.
- ▶ Ia berfungsi untuk memastikan beban tidak dipegang/disentuh secara terus oleh jurutali atau pekerja yang berkaitan di tapak bina semasa operasi mengangkat/menurun beban.



© NSL 2011

© NSL 2011

# IKATAN ANDUH PADA BEBAN

- ▶ Ikatan anduh yang digunakan ialah:




**Anduh tunggal**



**Anduh jerut**




**Anduh raga**



# TERMINOLOGI ANDUH

## HAD BEBAN KERJA (*Working Load limit (WLL)*)

- ▶ WLL menentukan beban maksima yang boleh dikenakan ke atas peralatan bermula dari kapasiti peralatan tidak boleh melebihi nilai WLL.
- ▶ WLL ditentukan dan dilabelkan oleh pengeluar sebelum digunakan di tapak pembinaan.
- ▶ Sebelum WLL digunakan, SWL (safe working limit) terlebih dahulu digunakan dan membawa maksud yang sama.






# TERMINOLOGI ANDUH

## *Breaking strength (BS)*

- ▶ BS adalah daya yang sebenar yang diperlukan untuk menyebabkan kemusnahan peralatan mengikat.

## *Proof loading*

- Anduh yang digunakan perlu mempunyai sijil dari pihak berkuasa.
- *Controlled Strain* dikenakan untuk mengesan sebarang kelemahan serta kesilapan semasa proses pembuatan.



# TERMINOLOGI ANDUH

## *Faktor Keseamatan (SF)*

- ▶ SF digunakan untuk mengelakkan kegagalan kren menara terutama dalam reka bentuk kejuruteraan.
- ▶ Nilai SF digunakan dalam pengiraan WLL/SWL mengikut peralatan.

- SF digunakan untuk meastikan terdapat jurang perbezaan beban sebelum menapai beban yang boleh memusnahkan anduh
- Semua peralatan perlu ditanda dengan WLL/SWL.

$$BS \div SF = WLL$$

Jenis anduh	Faktor keselamatan
Semua jenis anduh apabila digunakan untuk menampung manusia	10
Anduh sintetik, (jenis webbing dan round )	8
Anduh gentian	6
Anduh tali dawai	5
Anduh rantai (Alloy)	4

# ASAS PENGIRAAN BERAT PELBAGAI BENTUK BAHAN


- ▶ Dalam pengiraan berat, langkah pengiraan yang dibuat ialah:
  - Melihat tanda pada bahan
  - Melalui penyelia atau individu yang lebih mengetahui;
  - Melalui katalog yang dihantar bersama-sama dengan bahan tersebut;
  - Melalui rekod perniagaan atau manual operasi yang mungkin boleh dapat berat komponen atau bahan tersebut dengan lebih jelas; dan
  - Melalui pengiraan

BAHAN	BERAT
Aluminum (Aluminium)	2.7 tan/m <sup>3</sup>
Batu-bata dan tanah liat (Bricks, clay)	1.6 tan/m <sup>3</sup>
Besi tuangan (Cast iron)	7.2 tan/m <sup>3</sup>
Simen (Cement)	50 kg/beg
Konkrit basah atau telah keras (Concrete, wet or set)	2.4 tan/m <sup>3</sup>
Panel konkrit (Bertetulang keluli) (Concrete panel (Steel reinforced))	3.0 tan/m <sup>3</sup>
Minyak petrol (Petrol)	0.7 tan/m <sup>3</sup>
Minyak diesel (Diesel)	0.8 tan/m <sup>3</sup>
Tanah (Earth)	1.8 tan/m <sup>3</sup>
Cermin (Glass)	2.6 tan/m <sup>3</sup>
Kayu keras (Hardwood)	1.1 – 1.4 tan/m <sup>3</sup>
Plumbum (Lead)	11.3 tan/m <sup>3</sup>
